



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : PTG/WP.DFTR.600-3/1/1 Jld 9) 56

Tarikh : 13 Februari 2025

Badan Peguam Malaysia,
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur,
4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

Kompleks Kementerian Kewangan, No.9,
Persiaran Perdana, Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENGENAAN PENGECUALIAN BAYARAN FI KEPADA URUSAN
URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA OLEH LEMBAGA PEMBIAYAAN
PERUMAHAN SEKTOR AWAM BERKUATKUASA 17 FEBRUARI 2025**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) melalui semakan semula Kaedah 54(e), Kaedah – kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur 1995 (KKTWPKL 1995) dan selaras Seksyen 293 Kanun Tanah Negara (Akta 828) telah menetapkan bahawa sebarang urusan urusanniaga dan bukan urusanniaga melibatkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (**LPPSA**) hendaklah dikenakan bayaran seperti yang telah ditetapkan di dalam Jadual 23, Kaedah 53 KKTWPKL 1995.

3. Sehubungan itu, mulai **17 Februari 2025**, sebarang urusan urusanniaga dan bukan urusanniaga melibatkan LPPSA **tidak akan diberikan sebarang pengecualian** dan kadar bayaran di dalam Jadual 23 Kaedah 53 KKTWPKL 1995 adalah terpakai.

Di atas kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memanjangkan pemakluman seperti di perenggan 2 di atas kepada semua firma guaman adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROZAINI BIN ROSLEY)

b.p. Pendaftar Hakmilik

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tel: 03-2610 3402 | Fax: 03-2610 3494

✉: rozaini@ptgwp.gov.my ý: www.ptgwp.gov.my